




ARAJEMEE Sapri mengambil kesempatan menyidai pakaian berikutan cuaca cerah walaupun banjir masih lagi belum surut di Kampung Parit Mahang di Kuala Selangor, semalam. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR

Penduduk di kawasan rendah yang kerap dilanda banjir diminta bersedia untuk berdepan dengan situasi itu yang boleh berlaku pada bila-bila masa dalam tempoh berkenaan.

Gelombang kedua banjir di Kuala Selangor

Oleh FAZRINA AYU RADUIAN
pengarang@utusan.com.my

KUALA SELANGOR 23 Nov. - Fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku esok sehingga penghujung bulan ini diramal menyebabkan gelombang kedua banjir di kawasan rendah di daerah ini.

Fenomena itu dijangka berlaku oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dengan ombak di kawasan perairan Selangor boleh mencecah ketinggian minimum lima meter.

Pegawai Daerah Kuala Selangor dan Pengerusi Bencana Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badlisza Mohd. Noor berkata, ramalan ini didorong oleh luruan angin Monsun Timur Laut bermula Khamis atau Jumaat ini.

Katanya, penduduk di kawasan rendah yang kerap dilanda banjir diminta bersedia untuk berdepan dengan situasi itu yang boleh ber-

laku pada bila-bila masa dalam tempoh berkenaan.

"Pertembungan antara air pasang besar dari laut dan air sungai akan menyebabkan limpahan berlaku. Berdasarkan ramalan, banjir mungkin akan berlaku terutamanya di kawasan rendah, jadi kami bersama agensi berkaitan sudah bersiap sedia berdepan dengan situasi itu," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Pemindahan Sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang di sini hari ini.

Shamsul Shahril Badlisza berkata, bagi menghadapi banjir gelombang kedua, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor giat meningkatkan tebing sungai untuk memastikan tidak berlaku limpahan ke kawasan rendah ketika paras air meningkat.

Jelasnya, proses mengepam air banjir menggunakan lima pam masih giat dijalankan dan menun-

jukkan perkembangan positif apabila air di kawasan terjejas semakin surut.

"Setakat ini beberapa kampung di Bestari Jaya dilaporkan dinaiki air tetapi ia tidak kritikal dan penduduk masih boleh tinggal di rumah masing-masing kerana kawasan itu masih selamat manakala beberapa kawasan di Kuala Selangor masih diisytiharkan bencana tahap satu namun akan ditarik semula apabila keadaan semakin pulih," katanya.

Sehingga pukul 1 petang semalam, sebanyak 581 orang mangsa daripada 123 keluarga masih ditempatkan di enam pusat pemindahan sementara di sekitar daerah ini.

Daripada jumlah itu sebanyak 393 ditempatkan di SK Parit Mahang, Balai Raya Kampung Bukit Chera (35), Balai Raya Kampung Bukit Hijau (9) dan Ladang Tuan Mee (29), Masjid Simpang 3 (29) dan Balai Raya Kampung Bukit Kuching (61).